

Strategi Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing Di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea Selatan: Satu Perkongsian

Mazlina Ahmad¹, Cho Min Sung¹, Maryani Ahmad², Fauzan Mat Jam Jam³, dan Eizah Mat Hussain⁴

¹Hankuk University of Foreign Studies

²Xiamen University Malaysia

³Universiti Islam Antarabangsa

⁴Universiti Malaya

mazlinaahmad@hufs.ac.kr; minsung@gmail.com; maryani.ahmad@xmu.edu.my; fauzan@iium.edu.my;

eizah@um.edu.my

PENDAHULUAN

Perkembangan bahasa Melayu di Korea Selatan bermula dengan penubuhan Hankuk University of Foreign Studies (HUFS) pada tahun 1954 selepas Perang Korea. Sepuluh tahun kemudian, barulah Jabatan Bahasa Melayu – bahasa Indonesia dibangunkan dengan menerima pengambilan kumpulan pertama pelajar. Zaharani Ahmad merupakan pemegang Kursi Pengajian Melayu yang pertama di Korea Selatan. Beliau telah membahagikan perkembangan bahasa Melayu di Korea Selatan kepada tiga tahap, iaitu tahap permulaan (1960-an hingga 1970-an), tahap pertengahan (1980-an hingga 1990-an) dan tahap semasa (2000 hingga kini). Tahap yang pertama adalah mengenai kelahiran HUFS dan perkembangan awal pengajian Melayu di Korea Selatan. Pada tahap ini, jabatan Pengajian Melayu – Indonesia masih belum mapan dan hanya memnjam pensyarah dari luar jabatan. Tahap pertama ini sangat penting bagi kelangsungan jabatan untuk terus kekal relevan dan penting agar bahasa Melayu – bahasa Indonesia terus dipelajari. Penubuhan HUFS pada awalnya bertujuan untuk menarik pelajar mendalami bidang bahasa asing yang selaras dengan usaha negara tersebut untuk meningkatkan diplomasi dan ekonomi di persada antarabangsa. Ketika itu, Korea Selatan melancarkan Pelan Pembangunan Ekonomi Lima Tahun Pertama. Sehubungan itu, mereka banyak berurusan dengan negara asing termasuklah termasuklah Malaysia. Untuk melicinkan hubungan tersebut, bahasa merupakan entiti penting untuk dikuasai. Seperti yang kita lihat pada hari ini, ramai masyarakat Malaysia dan Indonesia khususnya gemar menonton drama Korea dan mendengar lagu-lagu Korea dan Korea juga menjadi destinasi pelancongan pilihan masyarakat Malaysia. Justeru, terdapat banyak papan tanda dan risalah-risalah di tempat pelancongan di Korea Selatan telah menggunakan bahasa Melayu – bahasa Indonesia. Tahap kedua pula ialah era pengembangan pendidikan pengajian Melayu. Pada tahun 1981, kampus kedua HUFS dibangunkan di Yongin. Bahasa Melayu dan bahasa Indoensia diletakkan di bawah Jabatan Interpretasi dan Terjemahan. Hal ini berlaku kerana Korea Selatan telah beralih fokus kepada industri teknologi tinggi dan komputer. Kerja-kerja terjemahan amat diperlukan untuk memerikan konsep teknikal. Tahap ketiga pula menerangkan tentang era pemantapan Pengajian Melayu – Indoensia. Pada tahap ini, syarat pelantikan pensyarah menjadi semakin ketat. Pada tahun 1997, Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani bersama dengan Universitas Gadjah Mada dan Universiti Malaya. Para pensyarah Malaysia dan Indonesia dijemput untuk menjadi pensyarah tamu dan profesor pelawat di HUFS dengan mengajarkan bahasa Melayu, bahasa Indonesia, sastera Melayu dan sastera Indonesia. Walaupun HUFS merupakan universiti terawal dalam menyediakan program bahasa Melayu, universiti ini juga mengalami cabaran dalam mengembangkan program berkenaan. Sehingga kini, HUFS mempunyai lebih kurang 30 orang pelajar yang mendaftar program bahasa Melayu – bahasa Indonesia bagi sesi 2022/2023. Mereka mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Indonesia secara serentak meliputi subjek-subjek bahasa, budaya, sejarah dan politik. Justeru, artikel ini akan menjelaskan startegi dan teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar di HUFS untuk memastikan para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dengan lancar memandangkan mereka mempelajari dua bahasa sekaligus dalam

tempoh masa lapan hingga sepuluh semester. Seramai lebih kurang 30 - 40 orang pelajar bagi setiap sesi yang mendaftar program tersebut. Setiap pelajar diberi kebebasan untuk memilih subjek pilihan berdasarkan tahap masing-masing. HUFS mempunyai dua kampus yang menawarkan program yang sama, iaitu di Seoul dan di Kota Yongin. Subjek bahasa Melayu yang ditawarkan adalah merangkumi semua tahap iaitu tahap asas, tahap pertengahan dan tahap lanjutan, iaitu Pembacaan dan Penulisan bahasa Melayu dan Pendengaran dan Percakapan bahasa Melayu. Walaupun penawaran subjek bahasa Melayu agak terhad berbanding bahasa Indonesia yang merangkumi penterjemahan, morfologi, sintaksis, sejarah dan budaya, sastera dan politik, dan banyak lagi, namun perspektif pengajaran yang berasaskan trend menekankan proses di samping hasil yang dapat dinilai menjadi keutamaan dalam pengajaran bahasa Melayu supaya pelajar lebih berketerampilan dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Namun demikian, masih terdapat kekangan untuk pelajar menguasai bahasa Melayu yang diperincikan dalam penulisan ini. Selain itu, penulisan ini juga akan mencadangkan strategi pengajaran yang dapat memberikan impak bukan sahaja untuk keberkesanan pengajaran malah dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di HUFS. Melalui dapatan kajian, tenaga pengajar perlu melakukan pembetulan dan penyesuaian mengikut tahap pelajar. Oleh itu, elemen menjalankan kajian tindakan perlu dikuasai oleh tenaga pengajar bagi menyediakan kelompok tenaga pengajar yang berketerampilan.

PENYATAAN MASALAH

Menurut Ellis (1997), strategi ialah "*consisted of mental and behavioral activity related to some specific stage in the overall process of language acquisition or language use*". Maksudnya, strategi merupakan aktiviti mental dan tingkah laku yang berkait dengan peringkat tertentu dalam proses menguasai sesuatu bahasa. Justeru, strategi adalah salah satu usaha yang digunakan bagi memahami dan menguasai sesuatu kemahiran yang bukan sahaja tertumpu pada bidang ketenteraan malahan bidang pendidikan juga. Dalam kajian ini, strategi yang dimaksudkan ialah strategi pengajaran bahasa bagi menguasai bahasa Melayu dengan lebih mudah. Kerelevanan penggunaan bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi sering dipersoalkan seolah-olah bahasa Melayu tidak berupaya mendukung fungsi sebagai bahasa ilmu sedangkan sudah jelas bahawa bahasa Melayu mendapat tempat yang baik di institusi pengajian tinggi di luar negara. Program bahasa Melayu terus konsisten diajarkan di beberapa buah universiti di China, Korea Selatan, Jepun, Jerman, Uzbekistan, Belanda dan sudah pasti di tanah asal asalnya iaitu di Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Vietnam. Namun, kesangsian tentang keupayaan bahasa Melayu perlu dijadikan satu cabaran yang perlu dilihat secara menyeluruh terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Walaupun hakikatnya bahasa Melayu mampu menterjemahkan segala perkara merangkumi falsafah dan akal budi Melayu, namun masih perlu diberi penegasan ke atas usaha pengekalan penggunaannya bukan sahaja di peringkat pendidikan di dalam negara malah di luar negara juga. Ekoran itu, penawaran program bahasa Melayu di luar negara wajar disambut baik dengan kerana sifat bahasa itu bukanlah milik individu atau milik negara-negara tertentu. Sehubungan itu, pengajaran bahasa yang disampaikan kepada pelajar asing perlu disesuaikan dengan trend dan keperluan semasa sama ada dari segi pemilihan bahan, strategi, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, keupayaan berfikir tinggi yang menuntut sokongan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Yahya Othman (2005) menjelaskan bahawa kemampuan penutur asing menggunakan bahasa Melayu menerusi aktiviti kebahasaan, memerlukan perhatian kembali dengan mengambil kira sejauh mana usaha yang dilaksanakan sekarang mampu menghasilkan natijah seperti yang diharapkan. Oleh yang demikian, tenaga pengajar bahasa bukan sahaja perlu menilai semula sejauh mana usaha pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing ini dapat memberikan ruang kepada pelajar menguasai bahasa Melayu, malah bagaimana untuk mengekalkan kelangsungan pendidikan bahasa Melayu di peringkat tinggi dan menjadikan bahasa Melayu terus menggalas fungsi sebagai bahasa ilmu tinggi. Selain itu, penutur asing yang mengambil program bahasa Melayu di luar negara pastinya mempunyai matlamat yang akhirnya

dapat membantu mereka menempatkan diri dalam dunia kerjaya. Sering juga dipersoalkan kenapa mereka memilih bahasa Melayu? Apa matlamat atau tujuan mereka selepas tamat pengajian? Dapatkah bahasa Melayu memberi nilai tambah kepada penutur asing di luar negara seperti di China, Korea, Jepun dan negara lainnya? Apakah pekerjaan yang sesuai untuk mereka? Persoalan ini pastinya tidak asing dan selalu ditujukan kepada pelajar dan tenaga pengajar bahasa itu sendiri. Ada juga yang secara sinis mengatakan bahawa pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing bukanlah tugas yang sukar kerana sifat bahasa Melayu yang mudah lentur dan mudah untuk dipelajari. Namun demikian, secara hakikatnya para tenaga pengajar bahasa Melayu bergelut dengan emosi, mental dan fizikal untuk mempersiapkan diri menghasilkan penutur asing yang boleh menguasai bahasa Melayu dengan sebaiknya. Yahya Othman (2005), menjelaskan bahawa dalam trend pengajaran dan pembelajaran bahasa kini, tenaga pengajar bukan sahaja perlu menguasai ilmu bahasa tetapi juga melengkapkannya dengan kemahiran mengajar bahasa dengan baik dan berkesan. Ini selaras dengan perubahan pesat yang berlaku dalam dunia pendidikan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa perlu diperincikan berpandukan teori serta diadun dengan strategi pengajaran yang dapat membantu para tenaga pengajar dan juga pelajar. Penetapan kaedah mengajar sering dikaitkan dengan teori-teori bahasa dan kaitannya dengan bahan yang diajarkan. Masalah biasanya wujud apabila tenaga pengajar mengajar apa-apa kemahiran bahasa yang memerlukan mereka memilih kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai digunakan. Keperluan silibus perlu diambil kira apabila menetapkan kaedah dan strategi pengajaran bahasa. Oleh yang demikian, tenaga pengajar perlu peka pada perubahan yang dilakukan sebelum pengajaran berlangsung. Kelemahan dalam penyampaian pengajaran bahasa juga disebabkan terdapat tenaga pengajar yang kurang komited pada pembaharuan sedangkan penambahbaikan perlu dilaksanakan dengan membuat pertimbangan dari segi strategi dan bahan yang digunakan. Berdasarkan isu yang dikemukakan, maka kajian ini akan memberikan sumbang saran yang diharap dapat membantu para tenaga pengajar bahasa Melayu untuk penutur asing, khususnya dalam memperkemas dan menilai semula strategi pengajaran mengikut keperluan semasa. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual bersama kumpulan pelajar penterjemahan bahasa Melayu - bahasa Indonesia (MIT) di HUFSS, Korea Selatan dan beberapa orang tenaga pengajar bahasa Melayu - bahasa Indonesia.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing sememangnya sudah banyak dilakukan. Namun demikian, kajian dan penyelidikan yang berterusan perlu diteruskan kerana dunia pendidikan pada hari ini mengalami perubahan yang pesat. Kemunculan teknologi maklumat dan pelbagai kemudahan telah menjadikan pendidikan pada hari ini lebih mudah. Sepanjang Pandemik Covid-19, pelbagai kemudahan teknologi yang digunakan untuk menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran seperti aplikasi Whatsapp, Telegram, Google Meet, Webex dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran ini, aspek perancangan dan penyusunan pengajaran perlu diambil kira untuk mengenal pasti keberkesanan strategi yang dijalankan. Kajian Mesman et.al (2023), merumuskan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa memerlukan gabungan pedagogi yang berkesan untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Justeru, kajian beliau mencadangkan kepada pengajar untuk memulakan dengan set induksi supaya berlakunya permulaan bagi setiap pengajaran disertakan dengan ucap selamat. Kaedah pengulangan kosa kata ucap selamat dan sapaan ini, menjadikan pelajar dapat memahami dan mempraktikkan kosa kata yang didengari. Perkara ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kasdan et al., (2018) menyatakan bahawa perilaku seseorang apabila menyapa orang lain akan mempengaruhi komunikasi dan interaksi seterusnya. Selain itu, sapaan yang baik akan mewujudkan suasana harmoni dan perbualan yang baik. Selanjutnya, kajian oleh Nurmasturah Jamil et al. (2020) mencadangkan kepada tenaga pengajar untuk mempraktikkan dan memperbanyak latihan penggunaan bahasa bagi meningkatkan penguasaan dalam komunikasi

lisan atau bertulis. Justeru, kajian beliau mencadangkan pensyarah agar lebih kreatif dalam menyusun strategi pengajaran dengan berbantuan aplikasi dan teknologi seperti aplikasi permainan bahasa, video, audio, kuiz dan sebagainya yang dapat meningkatkan minat para pelajar dan secara tidak langsung keadaan ini akan meningkatkan dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Selain itu, penggunaan kaedah terjemahan juga dapat membantu pelajar. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ying (2018), kaedah terjemahan dapat membantu pelajar mempelajari kosa kata baharu. Walau bagaimanapun, berlaku perdebatan dalam proses pembelajaran bahasa dengan menggunakan kaedah terjemahan ini. Terdapat pengkaji yang bersetuju dengan kaedah terjemahan dapat membantu pelajar dalam menguasai bahasa asing. Hal ini kerana terdapat kajian yang menunjukkan perkataan yang diajar tidak difahami oleh pelajar kerana tenaga pengajar menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu yang dituturkan merupakan bahasa asing yang tidak pernah didengari oleh pelajar antarabangsa. Hasilnya, pelajar tidak memahami perkara yang diajarkan. Namun demikian, para pengajar perlu mengambil pendekatan yang terbaik untuk menyampaikan pengajaran kepada pelajar bagi mengatasi cabaran ini. Pengajar boleh mempelajari dan mengaplikasikan teknik-teknik pembelajaran bahasa asing yang berkesan dengan memilih bahan bacaan yang baik, input kosa kata dan latihan bersepadu agar dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan dan penggunaan kosa kata, di samping struktur tatabahasa (Nurmasturah Jamil et al., 2020). Selanjutnya, kajian Zulkifli (2017) mendapati bahawa terdapat beberapa strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar di Jerman semasa mempelajari BM. Strategi-strategi tersebut digunakan dalam tiga konteks iaitu semasa di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan pelajar di Jerman lebih banyak menggunakan strategi semasa di dalam kelas berbanding semasa di luar kelas dan strategi menghadapi peperiksaan. Hasil kajian beliau juga menunjukkan daripada 31 strategi, pelajar hanya menggunakan 14 strategi secara kerap.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini akan menjelaskan strategi pengajaran bahasa Melayu yang digunakan di HUFSS dan diperincikan mengikut tahap pelajar.

Tahap Permulaan - Adaptasi Emosi, Sosial dan Budaya Bagi Bahasa yang Baru Dikuasai

Pada tahap ini, pelajar mempelajari bahasa dengan menekankan aspek fonologi, iaitu pelajar lebih banyak memerhati dan meniru pertuturan penutur natif, iaitu tenaga pengajar itu sendiri. Memandangkan mereka tidak tinggal di persekitaran budaya dan bahasa Melayu yang sebenar, peluang untuk berinteraksi dengan penutur natif amat rendah namun, pada tahap ini tenaga pengajar memainkan peranan penting dengan memberikan motivasi dan rangsangan yang dapat mendorong perspektif bahasa yang lebih baik. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa pengamalan konsep dengar - tutur merupakan kaedah terbaik yang menyumbang kepada interaksi sosial pelajar HUFSS kerana pada tahap permulaan ini, pelajar banyak menyerap set-set perlakuan bahasa melalui aktiviti pengulangan. Kaedah ini amat penting untuk pengajaran kemahiran mendengar dan bercakap. Pengajar boleh memulakan dengan menggunakan perkataan mudah yang terdiri daripada dua suku kata untuk didengarkan dan dituturkan oleh pelajar. Seterusnya, kajian ini juga mendapati pelajar amat tertarik sekiranya tenaga pengajar dapat mewujudkan suasana interaksi seperti soal jawab dan main peranan secara berpasangan. Dengan menggunakan topik-topik yang mudah, soal jawab akan lebih berkesan dan pelajar lebih selasa untuk bertanya secara langsung jika terdapat kekeliruan dalam aspek kosa kata mahupun makna. Selain itu, proses peniruan dan pengulangan intonasi juga menarik minat pelajar dan dapat memberikan kefahaman dengan mudah. Contohnya, penggunaan kata tanya *apa* mempunyai perbezaan makna jika dituturkan dengan intonasi yang berbeza. Perhatikan contoh di bawah:

- | | | |
|-------------------|------------------------|-------------------------|
| - Apa? | - Boleh? | - Betul |
| - Apa?!? | - Boleh <i>laaa...</i> | - Betul? |
| - Apa..... | - Boleh <i>tak..?</i> | - Betul...betul...betul |
| - <i>Apa dia?</i> | - Adakah boleh... | - Betulkah... |

Penggunaan kaedah intonasi dan perbezaan makna seperti ini sangat menarik minat pelajar kerana mereka cenderung meniru perlakuan tutur intonasi walaupun secara asasnya pada tahap ini pengajaran secara statik lebih diutamakan untuk membiasakan pelajar dengan sistem bunyi dan sebutan. Kaedah ini juga boleh dikembangkan ke tahap ayat. Contohnya:

- Siapakah nama awak?
- Siapa nama awak...?
- Nama?
- Nama awak?

Kaedah ini digunakan kerana pelajar di HUFSS sangat cenderung untuk mengekalkan bunyi sebutan dan intonasi yang statik. Justeru kaedah meniru irama dan intonasi boleh digunakan untuk memberi kesan maksud ayat atau perkataan yang dituturkan. Kaedah ini juga boleh membantu pelajar membezakan sebutan bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Indonesia selain membantu mewujudkan suasana komunikasi yang lebih mesra. Seterusnya, pada tahap permulaan juga, proses komunikasi akan lebih terhad kerana pelajar masih kekurangan kosa kata bahasa Melayu dan bahasa Indonesia untuk melaksanakan aktiviti bertutur. Selain itu, masa pengajaran yang terhad juga akan membantutkan penguasaan kemahiran mendengar. Namun begitu, tenaga pengajar boleh memulakan pengajaran mendengar secara tidak interaktif. Walaupun strategi ini tidak memberikan peluang untuk pelajar memberikan respon secara verbal, namun keadaan ini boleh mewujudkan suasana komunikasi yang baik. Pelajar juga dapat mendengar secara berterusan dan lama-kelamaan mereka akan dapat membiasakan dengan pendengaran yang interaktif pula. Selain itu, tenaga pengajar juga boleh menggunakan kaedah klu visual sekiranya menggunakan bahan video daripada media sosial atau koleksi tenaga pengajar itu sendiri. Kaedah ini akan membantu pelajar membuat ramalan semasa mendengar yang juga melibatkan kemahiran berfikir semasa mendengar. Contohnya, bagi topik 'kawan saya', penggunaan visual tanpa suara dapat membantu pelajar menumpukan perhatian pada paparan visual yang dapat memberikan beberapa klu untuk menjelaskan tentang 'kawan saya' seperti aksi, ekspresi muka, gerak isyarat dan sebagainya. Melalui kaedah ini, pelajar boleh menyenaraikan beberapa kata kerja dan kata sifat yang ditunjukkan dalam video bagi topik 'kawan saya' seperti *cantik, tinggi, bijak, rajin, memasak, bermain bola sepak, menyanyi* dan banyak lagi. Dalam konteks ini, pemilihan bahan yang sesuai amat penting untuk melancarkan kefahaman pelajar. Seterusnya, aspek ini boleh dikembangkan lagi dalam konteks sintaksis iaitu membina ayat dasar dan ayat majmuk.

Tahap Pertengahan

Aspek yang perlu diberikan penekanan dalam pengajaran bahasa ialah kecerdasan dalam berfikir. Berfikir sama ada secara kritis atau kreatif dianggap penting dalam pengajaran bahasa. Trend pengajaran menggunakan kemahiran berfikir sebagai asas dalam menguasai bahasa perlu diberikan penekanan terutama semasa pelajar berhadapan dengan bahan pengajaran yang memerlukan penelitian mendalam. Contohnya, tenaga pengajar boleh memberikan teks yang memerlukan pelajar menganalisis teks tersebut semasa pengajaran membaca. Bagi mendapatkan hasil yang optimum, galakan menggunakan kemahiran berfikir dijangka dapat menjadikan pengajaran bahasa lebih menarik. Melalui teks tersebut, pelajar dapat menghasilkan peta minda dan membentangkannya di dalam kelas. Selain itu, melalui teks tersebut juga, tenaga pengajar boleh mencipta permainan bahasa secara berkumpulan yang memerlukan pelajar menulis ayat dasar dan ayat majmuk atau mengenal pasti golongan kata atau penggunaan imbuhan bagi sesuatu kata dasar dan mengenal pasti perbezaan kosa kata bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Dalam penguasaan pemahaman teks, trend dalam pengajaran perlu menjurus kepada strategi metakognisi yang mampu menyediakan ruang kepada pelajar meneliti teks yang dibaca dengan memberikan tumpuan pada pemantauan pemahaman dan percakapan. Hasilnya, kita dapat menilai kemampuan pelajar dalam pemahaman teks dan upaya komunikasi mereka apabila menjelaskan atau membentangkan teks yang dibaca. Dalam hal ini, pemilihan teks untuk tahap pertengahan juga penting, iaitu merangkumi teks-teks atau topik yang diubah suai oleh tenaga pengajar mengikut tahap pelajar. Selain itu, pada peringkat ini juga, pendedahan kepada perbezaan kosa kata bahasa Melayu - bahasa Indonesia perlu dilakukan semaksimum mungkin supaya pelajar lebih membiasakan diri dengan kosa kata bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pemilihan teks yang diubah suai amat penting dengan memasukkan elemen bahasa Indonesia untuk menguji penguasaan kosa kata para pelajar. Selain itu, tahap ini juga merupakan tahap untuk pelajar bersedia mengintegrasikan diri ke dalam kelompok penutur bahasa dan keperluan yang tidak bersifat instrumental. Persediaan mengintegrasikan diri bermaksud pelajar HUFSS bukan sahaja mempelajari bahasa berdasarkan rumus-rumus literal malah lebih kepada mempelajari bahasa Melayu yang merangkumi struktur bahasa Melayu dan kesesuaiannya mengikut keperihal keadaan. Contohnya, pada tahap ini, pelajar perlu didedahkan dengan semaksimum mungkin dengan tatabahasa seperti kesesuaian penggunaan imbuhan, binaan ayat aktif dan ayat pasif serta aspek bahasa yang lain seperti makna dan idiom. Melalui kajian ini juga, didapati bahawa pelajar akan mengalami kekeliruan yang tinggi tentang penggunaan imbuhan dalam konteks lisan dan penulisan kerana pada tahap permulaan, pelajar mempelajari bahasa secara statik iaitu mengikut struktur dan sistem sama ada dalam lisan mahupun penulisan. Selain itu juga, pada tahap ini dapat dilihat penggunaan bahasa Indonesia lebih dominan dalam lisan dan penulisan. Mereka mengalami kekeliruan kosa kata antara bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Perkara ini tidak boleh dinafi atau disekat kerana mereka mempelajari kedua-dua bahasa sekaligus. Perkara yang boleh dilakukan oleh tenaga pengajar adalah terus memperbetulkan kekeliruan kosa kata tersebut.

Tahap Lanjutan

Pada tahap ini, tenaga pengajar perlu menekankan kemahiran berfikir yang lebih tinggi kerana penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar HUFSS semakin baik dan mereka boleh menghuraikan dan membahas sesuatu topik. Pada tahap ini, pelajar tidak lagi memerlukan motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu tetapi mereka memerlukan pengetahuan bahasa yang akan membantu mereka mempersiapkan diri memasuki alam pekerjaan. Kebanyakan pelajar sangat berminat untuk bekerja dan menyambung pelajaran sama ada di Malaysia atau Indonesia. Justeru, pada tahap ini, tenaga pengajar boleh menggunakan aras bahasa yang lebih tinggi dan kritis dengan bahan-bahan yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kelompok masyarakat Indonesia atau Malaysia. Pada tahap ini, mereka bersedia untuk menyertai komuniti bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu terutamanya dalam konteks pekerjaan. Dalam pengajaran kemahiran membaca dan menulis bagi tahap lanjutan, aspek penulisan ilmiah perlu diberikan penekanan dengan memberi peluang kepada pelajar mengkritik dan memberi komentar tentang isu-isu terkini. Pada tahap ini, pelajar HUFSS banyak menggunakan proses mental untuk menghasilkan idea dan gagasan tanpa rangsangan dari luar. Dalam hal ini, pelajar akan menonjolkan kecekapan dan prestasi berbahasa yang semaksimum kerana pada tahap ini, mereka akan bersaing sesama sendiri menggunakan kemahiran bahasa yang dimiliki. Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar mempunyai keyakinan yang tinggi untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu walaupun kadang kala bercampur aduk dengan kosa kata dan sebutan bahasa Indonesia. Namun demikian, perspektif pelajar pada tahap ini berubah kerana mereka melihat penguasaan bahasa sebagai satu cara yang membantu mereka untuk menyampaikan idea. Mereka memahami bahawa fungsi penyampaian idea amat penting kerana ini dapat membantu mewujudkan hubungan dengan penutur natif melalui idea yang disampaikan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tenaga pengajar di HUFSS menggunakan kaedah pengajaran berbantuan ICT. Seiring dengan kemajuan ICT maka terbentuklah beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran berkisarkan daripada aspek

pedagogi. Perkembangan ini bertujuan untuk mewujudkan pembelajaran bermakna serta lebih berkesan. Oleh itu, tenaga pengajar perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kaedah merupakan satu siri tindakan yang sistematik yang bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Kaedah adalah lebih bercorak jangka pendek dan merupakan usaha keseluruhan yang terdiri daripada prosedur tersusun serta berdasarkan sesuatu pendekatan yang dipilih. Kaedah juga digunakan bagi mendokong pendekatan dipilih. Kaedah merupakan langkah-langkah atau peringkat-peringkat pengajaran yang tersusun rapi dan kesinambungan yang harus dituruti dengan saksama bagi mencapai sesuatu objektif pengajaran. Secara keseluruhannya, pengkaji merumuskan terdapat beberapa kaedah dalam bahasa Melayu yang boleh digunapakai oleh tenaga pengajar. Antaranya ialah kaedah natural. Kaedah ini berasaskan penggunaan bahasa dalam situasi komunikatif seperti yang berlaku dalam pendekatan-pendekatan tradisional. Kaedah ini kurang menekankan rujukan kepada analisis gramatikal, latihan gramatikal atau kepada teori tatabahasa tertentu. Seterusnya ialah Kaedah Nahu Tradisional. Kaedah ini diajar untuk membolehkan pelajar memahami nahu sesuatu bahasa dan juga melatih pelajar menulis menggunakan bahasa yang betul. Kaedah ini juga, membolehkan pelajar menterjemahkan bahasa asing ke bahasa natif dan sebaliknya. Ia juga bagi melengkapkan pelajar dengan perbendaharaan kata yang luas yang dapat digunakan dalam penulisan. Selain itu, penggunaan Kaedah Ajuk Hafaz juga boleh dilakukan melalui pendekatan demonstrasi dan latihan tubi. Pengajaran demonstrasi harus berkaitan dengan tatabahasa, pertuturan, perbendaharaan kata melalui guru bahasa atau penutur jati. Tatabahasa diajar secara menghafaz beberapa ayat asas melalui ajukan dan maknanya diberi dalam ungkapan biasa dalam bahasa ibunda. Seterusnya ialah kaedah Linguistik yang merupakan kaedah mengajar bahasa moden secara saintifik iaitu dengan membandingkan antara dua bahasa. Pengetahuan bahasa murid-murid harus tertumpu kepada bentuk dan fungsi bahasa itu disamping aspek-aspek lain seperti bunyi, susuk ayat, makna, dan lain-lain. Kaedah ini lebih mendahului bentuk daripada makna. Terakhir ialah Kaedah Kod Kognitif yang lebih menekankan bentuk dan makna. Seseorang yang ingin mempelajari sesuatu bahasa harus mengetahui sistem bahasa berdasarkan kepada hukum-hukum dan norma-norma tertentu dalam ilmu tatabahasa. Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah tersebut perlulah disesuaikan dengan tahap pelajar dan penggunaan bahan pengajaran. Bagi kebanyakan pelajar asing, cara termudah untuk memulakan penguasaan bahasa Melayu adalah bermula dengan kemahiran mendengar secara interaktif bersermuka. Namun demikian, sekiranya pelajar tidak selesai dengan kaedah tersebut, tenaga pengajar perlu mencari bahan yang khusus yang bersesuaian dengan tahap pelajar. Selain itu, pengajar juga perlu menggunakan bahan autentik bagi tujuan memudahkan penguasaan bahasa. Antara bahan autentik yang mudah adalah yang berbentuk ucapan, perbualan, petikan teks dan sebagainya. Apa sahaja kaedah pengajaran yang digunakan, pengajar perlu memastikan bahawa bahan yang digunakan adalah selaras dengan objektif pembelajaran serta tahap pembelajaran pelajar. Sekiranya penguasaan bahasa pelajar berada pada tahap permulaan, pengajar boleh menyediakan bahan berbentuk audio kerana pada tahap ini, mereka baru menguasai kemahiran mendengar bunyi-bunyi sebutan bahasa sama ada vokal, konsonan, suku kata dan perkataan. Dapatan temu bual juga menunjukkan tenaga pengajar di HUFS menggunakan strategi latihan – tubi. Strategi latihan tubi adalah aktiviti pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang dipelajari. Tujuannya untuk mencapai taraf penguasaan kemahiran disamping menjamin kekekalannya. Ia sesuai digunakan untuk pengajaran Bahasa Melayu seperti kemahiran menyebut perkataan, ayat-ayat atau mengingat fakta-fakta penting. Melalui teknik ini pelajar akan mengalami proses mendengar, melihat, memikirkan maksud perkataan-perkataan serta tugasnya dalam situasi yang penggunaan perkataan-perkataan itu. Berasaskan pengajaran bahasa dengar dan sebut (audiolingual) yang biasanya digunakan dalam pengajaran bahasa kedua. Seterusnya, strategi simulasi juga digunakan untuk pengajaran bahasa Melayu di HUFS. Simulasi ditakrifkan sebagai satu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan pelajar berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan menyelesaikan masalah, isu atau tugas semula. Melalui teknik ini, pelajar dapat menggunakan kemahiran belajar seperti mengumpulkan maklumat, menjalankan temuramah dengan individu tertentu dan mencatat isi-isi penting. Dalam proses ini, pelajar digalakkan untuk memberi

pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang dipertanggungjawabkan. Memberi peluang kepada pelajar mengalami sendiri situasi dan masalah. Melalui teknik ini juga, pelbagai kemahiran dapat digabungkan dan dipertingkatkan terutamanya dalam kemahiran lisan membaca dan menulis. Dapat mewujudkan pelbagai aktiviti menarik yang menjadi sumber motivasi kepada pelajar untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, tenaga pengajar di HUFSS juga berkongsi tentang penggunaan teknik yang sesuai dalam pengajaran bahasa kepada pelajar asing. Kebanyakan mereka mengaplikasikan teknik main peranan yang bermaksud melakonkan sesuatu situasi atau masalah atau peristiwa yang dianggap penting. Pelajar diberi peranan dan bertindak sebagai watak-watak yang ditentukan dalam satu situasi yang disediakan. Main peranan ialah dramatisasi yang tiada kaitan atau penghafalan skrip, dimana pelakon-pelakon cuba menyelesaikan atau menjelaskan situasi kepada pelajar lain supaya mempraktikkan kepada diri mereka berdasarkan peranan yang dimainkan secara spontan. Proses ini biasanya dimulakan dengan pemikiran masalah yang sesuai. Masalah ini dikemukakan kepada pelajar dengan cara membacanya atau memperlihatkan melalui filem, televisyen, mendengar rakaman dan sebagainya. Seterusnya ialah teknik Sumbangsaan. Teknik ini dikenali juga sebagai percambahan fikiran (brainstorming) yang merupakan satu sesi perbincangan yang membolehkan setiap ahli kumpulan menyumbangkan pendapat dan idea. Boleh diaplikasikan sebagai aktiviti permainan bahasa dan berkembang menjadi aktiviti perbincangan yang lebih serius dan kompleks pada peringkat sekolah, universiti dan latihan profesional. Dapatan temu bual juga menunjukkan responden menggunakan teknik permainan bahasa. Teknik ini adalah salah satu cara dalam mempelajari bahasa melalui teknik permainan. Penglibatan dalam permainan telah memberi peluang kepada pelajar memperoleh latihan intensif, pembelajaran bermakna dan sebagai alat diagnostik. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan akan menggunakan pelbagai kemahiran berbahasa pelajar antaranya kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Seterusnya, responden juga menggunakan teknik bercerita yang merupakan salah satu pendekatan yang sesuai digunakan untuk membina kecekapan berbahasa kerana cerita merupakan sesuatu yang dapat menarik minat dan perhatian pelajar. Latihan pemahaman, perluasan perbendaharaan kata dan tatabahasa dapat disampaikan dengan baik serta dapat meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam kalangan pelajar. Perkembangan cerita hendaklah diberi perhatian agar ada peringkat permulaan, kemuncak dan kesudahan cerita. Teknik drama juga sering digunakan dalam kaedah komunikatif dan kaedah yang berasaskan pendekatan induktif iaitu kaedah terus, elektif dan audiolingual. Tujuan utama adalah untuk melatih pelajar menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik (jeda, nada dan intonasi) dan bukan linguistik (mimik muka, gerak tangan, kepala dan dll) dengan berkesan dalam sesuatu interaksi bahasa atau perbuatan. Penggunaannya dapat mendorong dan merangsang pelajar untuk menghubungkan perasaannya dengan matapelajaran yang dipelajarinya. Murid bebas meluahkan sesuatu, membuat penemuan, memberi dan berkongsi sesuatu. Drama berperanan sebagai ragam pembelajaran iaitu sebagai salah satu alat bantu pengajaran dan pembelajaran.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing perlu dilaksanakan dengan sistematik untuk memastikan pelajar dapat mencapai potensi sepenuhnya. Semua pihak perlulah memainkan peranan untuk memastikan impian dan matlamat pengajaran bahasa ini dapat dicapai dengan jayanya. Selaras dengan matlamat ini, aspek penguasaan Bahasa Melayu merupakan sebahagian daripada elemen penting yang perlu diberi penekanan. Justeru, pelbagai usaha dilaksanakan untuk mengangkat Bahasa Melayu seiring dengan kepentingannya sebagai bahasa pendidikan dan bahasa ilmu. Selain itu, Bahasa Melayu juga boleh dilihat sebagai nilai tambah dan kunci utama bagi pelajar asing. Disebabkan itu, penguasaan Bahasa Melayu adalah amat dititikberatkan. Keupayaan untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik sering dibebani dengan pelbagai cabaran dan halangan. Oleh yang demikian, tenaga pengajar perlu dilengkapi dengan pelbagai

kemahiran dan proaktif dalam pengajaran bahasa Melayu kerana keberkesanan PdP amat bergantung kepada kemahiran dan tahap pengetahuan tenaga pengajar. Kesediaan seseorang pensyarah memainkan peranan yang penting dalam memastikan perjalanan PdP berjalan lancar dan berkesan. Oleh itu, dalam usaha memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Melayu kajian ini penting dalam mengenal pasti strategi dan teknik yang boleh diaplikasikan oleh pensyarah untuk mengajarkan bahasa Melayu kepada penutur asing.

RUJUKAN

- Ahmad, M, AR Roswati, Hafizah, H & Minsung, C. (2023). Penukaran Kod dalam Adaptasi Komunikasi Pelajar Jurusan bahasa Melayu. ISSN 1823-9242 Jurnal Linguistik Vol. 27 (1) Mei 2023 (097-110).
- Amran, N., Norudin, N., Kamaruzaman, A. R., & Daud, N. H. M. (2023). Pertukaran Kod Bahasa Komunikasi Lisan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi [Language Code Exchange of Oral Communication Among Students In Higher Education Institutions]. *Qalam International Journal of Islamic And Humanities Research*, 3(3), 52-63.
- Cornelia, F. (2017). *Adaptasi Komunikasi Antar Budaya Mahasiswa Asal Thailand Dalam Belajar Kelompok Di Universitas Islam Riau (Studi Di Fakultas Agama Islam Universitas Islam Riau)* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Riau).
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Jamian, A. R., Othman, S., & Hashim, H. (2016). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 128-140.
- Kasdan, J., Yusoff, Y. M., Jalaluddin, N. H., & Mohamad, H. (2018). Pembangunan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu Penutur Asing Berteraskan Budaya: Developing Malay Language Learning Video Kit for Foreign Speakers based on Culture. *PENDETA*, 9, 144-157.
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2021). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.
- Mariska, A., & Kartikasari, R. D. (2023). Variasi Bahasa Pada Mahasiswa Perantau Di Lingkungan Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Muhamadiyah Jakarta: Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Komposisi*, 7(1), 9-14.
- Mat, N. N. T., & Ahmad, M. (2023). [MS] Perspektif Penerapan Kaedah Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Kedua: Perspective on the Implimentation of Translation Method in Second Language Teaching. *Afaq Lughawiyah*, 1(1), 211-227.
- Mohamad, A. M. Ujian '5 Minit Kosa Kata' –Perbandingan Ingatan Kosa Kata Bahasa Melayu antara Pelajar Prasiswazah dan Pelajar Pascasiswazah Asing UKM. In *9th International Conference on Business Studies and Education (ICBE) 25 & 26 March 2023* (Vol. 44).
- Mesman, N. S., Rashidi, N. H., Jumadi, D., & Bakri, M. F. (2023). Perancangan Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Pelajar Antarabangsa Semasa Mengikuti Pembelajaran Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 301-309.
- Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim & Shuhairimi Abdullah. (2020). Penguasaan Kosa Kata dalam Komunikasi Bahasa Asing. *Journal of Human Development and Communication*. Vol. 9, 2020, 99-108.
- Othman, Y. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. PTS Professional.
- Rusli, N. E. Z., & Mahamod, Z. (2023). Tahap Kemahiran Pedagogi, Motivasi Dan Sikap Guru-Guru Bukan Opsyen Sekolah Rendah Dalam Pengajaran Bahasa Melayu (The Level Of Pedagogy Skills, Motivation And Attitude Of Non-Option Primary School Teachers In Malay Language Teaching). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 12-24.
- Sepian, N. M., Surat, S., & Rahman, S. (2023). Keresahan dan Kebimbangan dalam Bahasa Kedua serta Hubungannya dengan Kemahiran Bertutur Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(2), 147-153.

- Yusof, M. N. M., & Mahali, S. N. H. (2019). Pengaruh Bahasa Melayu dalam Bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 96-116.
- Zulkipli, N. Z. M., Mohammad, W. M. R. W., Surat, S., & Jobar, N. A. (2023). Representasi Budaya Melayu Berdasarkan Kerangka Budaya 3p Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Tufs, Jepun. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(1), 15-36.
- Zulkifli, N. Z. M., & Bakar, S. S. A. (2017). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 10-19.